

UMNO: Jawatankuasa Penuhi Janji Perlu Ditubuh Untuk Hadapi PRU13 - Rais Bernama
29 November, 2012

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Dr Rais Yatim Khamis mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas bagi memenuhi segala janji yang telah dibuat sebagai persediaan untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) ke-13.

"Selain itu, jawatankuasa dasar serta penilai bantuan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) juga perlu ditubuhkan supaya semuanya dapat dilaksana sebelum PRU," katanya kepada pemberita ketika melawat Laman Media sempena Perhimpunan Agung Umno 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, (PWTC) Khamis.

Rais, yang juga Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan berkata Umno khususnya dan Barisan Nasional (BN) amnya kini tidak boleh lagi duduk serta berdiri dengan selesa kerana suasana politik negara telah berubah.

Mengulas ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan perhimpunan itu, Rais berkata ia harus diambil dan ditampal sebagai azimat untuk parti dalam berjuang menghadapi PRU-13.

Malah, beliau menyifatkan ucapan itu sebagai isyarat atau 'tuang-tuang' (semboyan) untuk anggota Umno dan BN menyusun langkah, bergerak cergas, dedikasi serta jujur untuk memastikan kemenangan pada pilihan raya akan datang.

"Dengan isyarat itu jentera perjuangan mesti kemas, mesej untuk membela rakyat perlu jelas dan bukti khidmat kita mesti terus dapat dirasai oleh akar umbi," jelas Rais.

Rais ditemani isteri Datin Seri Maznah Rais meluangkan masa kira-kira setengah jam melawat Laman Media yang menempatkan pelbagai agensi dan pertubuhan berita dari dalam dan luar negara termasuk Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Terdahulu, beliau dan isteri menghadiri jamuan tengah hari bersama perwakilan Jelebu di PWTC.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712572>